

اكاديمية سي كعبان

AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia





*...melangkah ke hadapan  
bersama tradisi*

# AKADEMI SENI KEBANGSAAN

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

mempersalahkan  
Produksi Teater Klasik

sebuah karya  
WILLIAM SHAKESPEARE

# TAUFAN

*The Tempest*

arahan  
ROHANI YUSOFF

6, 8 dan 9 September 2003 - 8:30 malam  
7 September 2003 2003 - 3:00 petang

AUDOTORIUM TUNKU ABDUL RAHMAN  
PUSAT PELANCONGAN MALAYSIA  
Jalan Ampang, Kuala Lumpur



sepatah kata

## Pengarah Akademi Seni Kebangsaan

AKADEMI SENI KEBANGSAAN, melalui Program Teaternya sekali lagi mengangkat naskhah karya pujangga besar Inggeris – Shakespeare sebagai bahan untuk Produksi Teater Klasiknya. Sukar untuk dinafikan ciri-ciri klasik yang demikian jelas dan menarik, sepertimana yang terdapat pada drama-drama ciptaan pengarang ini, berjumlah 37 buah. *Taufan* atau *The Tempest* adalah salah sebuah daripada karyanya yang unik, memperlihatkan sifat-sifat istimewa naskhah klasik, baik dari segi struktur penulisannya mahu pun dari aspek cerita dan pemikirannya.

Dalam usaha mengukuhkan nama dan memantapkan lulusan-lulusannya, Akademi ini sentiasa memberikan perhatian yang teliti terhadap sebarang projek yang dilaksanakan oleh setiap program yang menawarkan kursus. Tidak akan ada sebarang kompromi murahan apabila tiba pada persoalan piawai dan mutu setiap bahan yang dipilih untuk sesuatu persembahan seni. Tenaga pengajar sentiasa diingatkan supaya hanya memilih bahan yang benar-benar berkualiti dan mampu memberikan manfaat semaksimum mungkin kepada para pelajarinya.

Syabas dan tahniah kepada pengarah, para pelakon dan tenaga produksi yang telah menjayakan pementasan *Taufan* ini. Terima kasih.

NOORSIAH SABRI



serangkai bahasa

## Ketua Program Teater Akademi Seni Kebangsaan

NASKHAH drama daripada khazanah pujangga Shakespere tidak pernah jemu dipentaskan, di mana-mana juga. Dari semasa ke semasa, karya-karyanya dipersembahkan dalam pelbagai bentuk, gaya, pendekatan dan penyesuaian. Ini tergantung pada siapa yang bertindak sebagai pengarahnya, yang pasti mempunyai persepsi tersendiri dan ingin menafsir sesuatu naskhah itu daripada perspektif yang khusus.

Meskipun *Taufan* pernah dipentaskan melalui siri Produksi Teater Klasik, Akademi Seni Kebangsaan beberapa tahun lalu, drama ini sekali lagi menjadi pilihan untuk sesi akademik 2003-04, di bawah arahan Rohani Yousoff. Naskhah ini bagaimanapun dianggap bersesuaian dengan sebarang situasi pada sepanjang zaman. Kisah perebutan kuasa, dendam kesumat dan pembalasan yang setimpal sering menjadi pemikiran utama dalam karya-karya bertaraf klasik, yang dapat diasosiasikan serta tetap relevan dengan latar semasa.

Kami berharap pemilihan naskhah *Taufan* ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh para pelajar yang mengikuti kursus berkenaan, di samping memberikan sesuatu kepada khalayak yang menikmatinya. Tahniah untuk semua yang terlibat.

ZAKARIA ARIFFIN


## Penulis Skrip

### WILLIAM SHAKESPEARE (1564 - 1616)

PENGARANG besar Inggris ini lahir pada 23 April 1564 di Stratford-upon-Avon. Bapanya (John Shakespeare dan ibunya Mary Arden) adalah seorang pedagang kaya yang pernah menjadi walikota di sana. Shakespeare dikatakan mendapat pendidikan *grammar school* di Stratford. Beliau mendirikan rumah tangga dengan Anne Hathaway pada 28 November 1582 ketika berusia 18 tahun (Anne 26 tahun). Mereka dikurniakan tiga orang anak, Susanna dan sepasang anak kembar – Hamnet dan Judith (Hamnet meninggal ketika berusia 11 tahun). Kehidupan Shakespeare tidak dapat dikesan selama kira-kira tujuh tahun, sehinggalah dia berpindah ke London antara tahun 1588-1592

Di London, Shakespeare menceburkan diri dalam bidang teater sebagai pelakon. Seperti kebanyakan pelakon teater ketika itu, beliau turut menulis drama. Tahun 1594, Shakespeare melibatkan diri dengan kumpulan drama Lord Chamberlain's Men dan sejak itu dia menulis drama-dramanya untuk kumpulan tersebut. Pada pertengahan tahun 1590-an, gedung-gedung teater di London ditutup kerana berlaku wabak penyakit. Shakespeare terpaksa mengalihkan kegiatannya ke bidang puisi. Lahirlah dua puisi naratif, *Venus and Adonis* dan *The Rape of Lucrece*. Bersama rakan-rakan, beliau kemudiannya membina Globe Theatre di daerah Bankside, di tebing Sungai Thames, London.

Antara drama terbaik pernah dihasilkan oleh Shakespeare ialah *Henry VI* – sebuah drama daripada siri *Henry* – (*Henry IV*, *Henry V* dan *Henry VI*) tentang peperangan Inggris-Perancis. Karyanya yang lain ialah *King John* dan drama bersiri: *Richard II*, *Richard III*. Khalayak teater juga menggemari melodrama berdarahnya – *Titus Andronicus*, farcenya yang lucu – *The Comedy of Errors* dan komedi liriknya yang menghiburkan – *Love Labour's Lost*. Dia juga menulis komedi, antaranya *The Merry Wives of Windsor*, *The Taming of the Shrew*, *Two Gentlemen of Verona*, *Twelfth Night*, *As You Like It* dan *Much Ado About Nothing*. Shakespeare turut menulis drama tentang pengadilan, antaranya: *The Merchant of Venice*, juga sebuah drama yang penuh dengan peri dan irama – *A Midsummer Night's Dream*. Di samping itu, tragedinya yang paling terkenal ialah *Hamlet*, *Romeo and Juliet*, *Julius Caesar* dan *Othello*. Beberapa lagi karyanya yang tidak kurang penting ialah *Macbeth*, *Anthony and Cleopatra*, *King Lear*, *The Tempest*, *The Winter's Tale* dan beberapa lagi. Setelah mencapai kejayaan yang cukup cemerlang melalui karya-karya yang dihasilkan, juga bersama kumpulan teaternya, Shakespeare membeli rumah di Stratford dan bersara di sana mulai pada tahun 1611.





Pengarah

Rohani Yusoff

Lahir dan mendapat pendidikan menengah di Pasir Mas, Kelantan. Kemudian Rohani bekerja seketika di Singapura sehingga tahun 1970. Kembali ke Kuala Lumpur, bekerja di Radio Malaysia, di samping menyanyi dan berlakon drama radio. Mula aktif dalam teater pada 1972 dan banyak terlibat dalam pementasan-pementasan arahan Syed Alwi serta Noordin Hassan. Tahun 1982 melanjutkan pelajaran dalam bidang teater di New York University, Amerika Syarikat. Setelah pulang, menyertai stesen TV swasta pertama – TV3 sebagai penerbit drama selama beberapa tahun. Kemudian berhenti untuk membuka syarikat penerbitan sendiri.

Antara lain Rohani pernah berlakon dalam *Alang Rentak Seribu* (karya/arahan Syed Alwi), *Tok Perak* (karya Syed Alwi), *1400* (karya/arahan Noordin Hassan), *Kononnya* (konsep Rohani Yusoff), *Anak Tanjung* (karya/arahan Noordin Hassan), *Cindai* (karya/arahan Noordin Hassan), *Hamba Allah* (karya/arahan Syed Alwi), *Pentas Opera* (karya/arahan Zakaria Ariffin) dan *Death of A Salesman* (arahan Roselina Mohd Khir). Manakala teater arahannya ialah *Sirih Bertepuk Pinang Menari*, *Anak Tanjung*, *Peran*, *Cindai*, *Tiang Seri Tegak Berlima* dan *Mimpi di Malam Panas*.

Rohani juga pernah mengikuti kursus penerbitan drama televisyen di New York dan Berlin serta kursus pentadbiran dalam bidang seni di London. Kini beliau adalah salah seorang pensyarah sambilan Program Teater, Akademi Seni Kebangsaan.




## Sinopsis - Taufan

PROSPERO, Raja Milan yang juga seorang ahli sihir, tinggal di sebuah pulau bersama anak gadisnya, Miranda. Dua belas tahun sebelum itu, saudara lelaki Prospero – Antonio berkomplot dengan Alonso, Raja Naples untuk merebutkan takhtanya. Prospero dan Miranda dihanyutkan di dalam sebuah perahu hingga akhirnya terdampar di sebuah pulau. Di pulau itu Prospero dibantu oleh Ariel – jin yang dibebaskannya daripada sebatang pokok dengan menggunakan kuasa sihir. Prospero juga membesarkan Caliban – anak lelaki kepada seorang ahli sihir – Sycorax. Apabila ilmu sihir memperlahankan sebuah kapal yang dinaiki oleh musuh-musuhnya sedang belayar berhampiran dengan pulau, Prospero menyeru ribut taufan supaya memusnahkan kapal itu. Anak-anak kapal yang terselamat telah tersadai di pantai pulau dalam beberapa kumpulan yang terpisah. Antara mereka ialah Ferdinand – anak lelaki Alonso. Dia dipesonakan oleh nyanyian Ariel hingga sampai ke tempat kediaman Prospero. Di situ Ferdinand bertemu dengan Miranda dan mereka saling terpicat.

Sementara itu, Antonio, Alonso, Sebastian dan Gonzalo merayau-rayau di pulau itu untuk mencari Ferdinand. Antonio bersama Sebastian kini merancang pula untuk membunuh Alonso, tetapi rancangan mereka digagalkan oleh Ariel. Di satu tempat lain di pulau itu, Stephano dan Trinculo bertembung dengan Caliban. Setelah menikmati minuman bersama-sama, Caliban cuba mendapatkan bantuan daripada kedua-dua mereka untuk membunuh Prospero dan memerintah pulau itu. Dia malah berjanji untuk menyerahkan Miranda kepada Stephano. Ariel bagaimanapun mengetahui hal itu dan melaporkan apa yang berlaku kepada Prospero. Ketika itu juga, Miranda dan Ferdinand melafazkan sumpah setia mereka untuk sehidup semati.

Prospero masih berdendam terhadap Antonio dan Alonso. Dia lalu mencipta satu hidangan yang disihir untuk kedua-dua lelaki itu, yang mana hidangan itu akan hilang apabila mereka mahu memakannnya. Dia juga menghantar Ariel yang menyamar untuk menakut-nakutkan mereka sebagai pembalasan dendamnya. Kemudian, dalam satu majlis tari-menari bertopeng untuk meraikan perkahwinan antara Miranda dan Ferdinand yang akan berlangsung, Prospero teringat rancangan Caliban dan mengarahkan temasya itu dihentikan serta-merta. Dia lalu menghantar Ariel untuk “mengajar” mereka.

Akhirnya, Prospero berhadapan dengan Antonio dan Alonso, mendedahkan identitinya yang sebenar sebagai Raja Milan. Dia menuntut Antonio menyerahkan semula takhta kepadanya. Prospero juga mencela Sebastian kerana berkomplot untuk membunuh Antonio. Kepada Alonso, dia memperlahankan melalui sihirnya, Ferdinand yang masih hidup dan dalam keadaan sihat, sedang bermain catur bersama Miranda. Prospero kemudian melepaskan sihirnya dan membebaskan Ariel serta Caliban daripada menjadi hambanya. Permintaan terakhir Prospero daripada Ariel ialah supaya ditenangkan laut dan diturunkan angin yang sesuai untuknya belayar pulang ke Naples.



# Senarai pelakon



Shafrizam Nor Prospero



Syarafina Sebastian  
(Pelajar Dinilai)



Arbatah Miranda  
(Pelajar Dinilai)



Che Zihan Pengurus pentas  
(Dinilai)



Ku Mohd Yusri Ariel



Nurza Penolong Pengurus  
Pentas  
(Dinilai)



Amelia Gonzalo  
(Pelajar Dinilai)




Mohd Arfanie Kasni Muallim  
(Pelajar Dinilai)



Saifulrah Antonio  
(Pelajar Dinilai)



A. Aris Radir Ferdinand



Azrul Azhar Trinculo



Saifuddin Stephano

## Pari-pari / Penari

SHAHRIL ISKANDAR ZAINAL  
 ABDULLAH SHAFIE  
 MOHD ARIF NAZRI SAMSUDIN  
 SITI ROS EZEKA RAJMAT  
 SITI FATIMAH ABD AZIZ  
 SUFINAH ABU BAKAR  
 SHARIFAH MARIAM SYED ABDULLAH  
 JOYLYNN THE SUE WIN  
 ROSDI ABDULLAH  
 PERHANI  
 SITI SURAYA SURYANI  
 JULISDA ISHAK  
 ZAINURUL RAZA



Mohd Andika Nakhoda




Pierre Andre Alonso




Abd Ezzendy Caliban

## Tenaga Produksi



Penerbit	-	Puan Hajah NORSHAH HAJI SABRI
Penerbit Eksekutif	-	Cik NORIZAH ARSHAD
Penasihat	-	Encik ZAKARIA ARIFFIN
Penyelaras Projek	-	Encik MOHD KAMARULZAMAN TAIB
Pen. Penyelaras Projek	-	PN. BALKIS OMAR
Pengarah	-	PN. ROHANI YOUSOFF
Pen. Pengarah	-	MOHD SHAHRUL MIZAD ASHARI
Pengurus Produksi	-	Cik NOOR ASZILA ABAS
Pengarah Teknikal	-	AZIZUL JAHID JAMAL
Pengurus Pentas	-	CHE ZIHAN CHE ISMAIL
Pen. Pengurus Pentas	-	AMELIA ABDUL AZIZ
Pereka Tari	-	MOHD FIRDAUS MUSTAFA
Pengurus Kostum & Tatarias	-	ROSMAN ISHAK JUHARA AYUB
Pembantu Kostum & Tatarias	-	NORSAHLINA AIDA M. SHAH SITI AISHAH ALI SHARIFAH YONG SHAHIRAH SYED OTHMAN KHAMISAH AHMAD SITI SURYA SURIANI MOHD ABIDIN
Pereka Set	-	IBRAHIM ALI
Pembantu Set	-	MOHD HAFDZI ABD. RASHID MUHAMMAD ASHRAFF NOR SHAID RIZAL JUMAAT MARKOM SITI NAZARIAH SHARIF

## Pembantu Pentas



	-	MOHD HAFIZAL BAHARUDIN
	-	AMMAR ABD. ADZIS
	-	
	-	KHAIRUNAZWAN RODZY
	-	KHAIRIL RIDZUAN SAHARUDIN
	-	NOR AZIAN ROSLI
	-	NORHATIMAH IBRAHIM
	-	MIMI MARINA MADIHA MUSTAFA
	-	SYAHIR NAQUIDDIN RODZUAN
	-	NUR NATASHA MD. RUS
	-	TANIA ZALINA ZAINAL ABIDIN
Pereka Cahaya	-	MOHD HAFIZ HUSIN
Penataan Cahaya & Bunyi	-	MOHD SHAHZUAN MOKTAR MOHD FEIZAL MOHD ZAKARIA INTAN RAFINA RAMLAN MUHAMMAD NAHL ALIAS
Pembantu Panggung	-	NOR AZWEEN ROSELY GLORIA A/P PETIE NORZULINDA ISHAK AIMI NADIYAH MOHD ANUAR NOR AZURA ABU BAKAR NOR AZWEEN ROSLI

# TALIFAN

## Kerabat Pengurusan AKADEMI SENI KEBANGSAAN

### Pengerusi

Hajah NOORSIAH SABRI  
Pemangku Pengarah Akademi Seni Kebangsaan

### Timbalan Pengerusi

Gik NORIZAH ARSHAD  
Timbalan Pengarah Pengurusan dan Pendaftaran  
Akademi Seni Kebangsaan

### Setiausaha

ZAKARIA ARIFFIN  
Ketua Program Teater

AKADEMI SENI KEBANGSAAN

### Penolong Setiausaha I

MOHD KAMARULZAMAN TAIB  
Penolong Pengarah I Program Teater

### Penolong Setiausaha II

BALKIS OMAR  
Penolong Pengarah II Program Teater

### Publisiti dan Pemasaran

MOHAMAD RAIZULI MAT JUSOH  
NORMALRIZWAN KAMARUDIN

### Kewangan

NORALIZA AHMAD  
ZAILIENA MOHD RAZALI  
WAN SOLEHAH WAN SALLEH  
MU'AZZAH MALEK  
ADDLY ABDUL KARIM  
INTAN ROZAINA ZULKIELI

### Teknikal dan Dokumentasi

ABDULRAJIK RADJAI  
HAJI WAN MANSOR YUSOFF  
JALI NAZRI JAAFAR  
FAIZUL JOHAN  
SAIFULIZAM HARUN  
AHMAD AZUBDIN YUSOFF  
UNIT TEKNIKAL MTC

### Pengurusan Panggung

ROSLEE AHMAD  
CHEE AH MOI  
NORAZIMAH MOHD YUSOFF  
HAMIDAH HASSAN  
INTAN ROZAINA  
ROYAH ABD. SAMAD  
NORMADIAH MOHAMED SAID  
MUZAFFAR SHAH AHMAD JAIS

### Logistik dan Pengangkutan

RAIS HUSIN  
SULAIMAN MAMAT  
ISMAIL MOHAMED HASHIM  
NORZIAH MAJID  
ZAMRI MOHAMAD  
SABRI MAHMUD  
MOHD AFENDI RAMBLI

## Terima Kasih

*Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan Malaysia*


*Pusat Pelancongan Malaysia*

*Tenaga Pelajar Dan Para Pelajar ASK*

*Media Massa*

*dan semua pihak, sama ada berkumpulan atau perseorangan  
yang telah membantu melaksanakan Pementasan Teater Klasik 2003*

*Akademi Seni Kebangsaan ini.*



Akademi Seni Kebangsaan,  
Aras 33, Empire Tower, Jalan Tun Razak,  
50400, Kuala Lumpur.  
Tel : 603 2164 9180 Fax : 603 2164 9186